

Kad pintar: Malaysia akan dapatkan persetujuan Brunei

UM 13 OCT 2007

BANDAR SERI BEGAWAN 12 Okt. — Malaysia akan berusaha mendapatkan persetujuan daripada Brunei bagi membolehkan rakyat Malaysia yang berulang-alik ke negara itu menggunakan kad pintar.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, langkah itu bertujuan bagi mengelakkan pasport yang dimiliki oleh rakyat Malaysia dicop sebanyak lapan kali sehala bagi setiap perjalanan darat menuju ke Sabah.

“Jika kad pintar ini digunakan ia sudah tentukan akan memudahkan perjalanan rakyat Malaysia berulang alik ke negara ini. Tetapi ini bukan hanya melibatkan Malaysia, kita akan berusaha mendapatkan persetujuan Brunei,” katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis dialog dengan rakyat Malaysia di Pusat Persidangan Antarabangsa di sini hari ini

dalam rangka lawatan kerja dua hari ke Brunei bermula semalam.

Perdana Menteri berkata, melalui kad pintar itu rakyat Malaysia tidak perlu lagi menggunakan pasport dan ini sudah tentukan akan menjimatkan kos dari segi memperbaharui pasport.

“Cadangan penggunaan kad pintar ini sudah dikemukakan kepada kerajaan Brunei tetapi belum mendapat persetujuan,” katanya.

Mengulas mengenai masalah pendatang tanpa izin di Sabah, Dr. Mahathir memberi jaminan bahawa proses penyemakan dan penghantaran golongan berkenaan akan dilakukan secara teliti dan adil.

Katanya, dalam proses tersebut ada sesetengah daripada mereka akan dihantar pulang, diberi peluang menetap di Malaysia dan ditentukan statusnya.

“Kita tahu ada di antara mereka ini yang sudah berada lama di Sabah, ada yang

sudah 30 tahun bermastautin serta mempunyai anak yang dilahirkan dan bersekolah di negeri itu.

“Untuk orang ini kita akan beri kelonggaran untuk diterima sebagai warganegara Malaysia, tetapi bagi kelompok yang datang kemudian dan mempunyai keluarga di Filipina, kita akan selidik dan hantar mereka pulang,” katanya.

Dr. Mahathir memberi jaminan bahawa mereka yang mempunyai kad pengenalan lama akan dibenarkan memperbaharui kad pengenalan tersebut melalui kaedah yang akan ditetapkan oleh kerajaan.

“Begitu juga bagi mereka yang benar-benar sudah menjadi rakyat Malaysia, kita boleh terima mereka kerana secara tradisional (sejak zaman British lagi) memangpun ada orang dari Kepulauan Sulu yang berulang-alik ke Sabah,” katanya. — *Utusan*